

Dua bayi dibuang dalam tong sampah, tepi jalan

25 AUG 2015

BH
25/8/2015
mls 23

» Pelajar dari Thailand sertai aktiviti sukan mengaku bersalin

Oleh Zuliaty Zulkiffli dan Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

► Bukit Kayu Hitam

Seorang bayi perempuan ditemui masih hidup dalam sebuah tong sampah besar berdekatan pusat kesihatan sebuah institusi pengajian tinggi, di sini, semalam, dipercayai ditinggalkan di situ oleh ibunya.

Difahamkan, bayi cukup sifat itu ditemui kira-kira jam 12 tengah hari oleh wanita pekerja pembersihan yang terdapat di pusat kesihatan tersebut, kira-kira 50 meter dari tong sampah berkenaan.

Pelajar Thailand mengaku
Wanita berusia lingkungan 40-



Jururawat Hospital Port Dickson, Nur Azlina Ahmad, **memangku bayi perempuan yang ditemui di tepi jalan** di Port Dickson.

[FOTO MOHD KHIIDIR ZAKARIA/BH]

an berkenaan sebelum itu melihat seorang pelajar dari Thailand berusia 24 tahun di tandas dalam keadaan lemah, namun ketika ditanya, dia mendakwa tompokan darah itu kerana dia dalam haid sebelum mengaku membuang bayi baru dilahirkannya.

Ketika ditemui, bayi yang dilahirkan cukup bulan itu dalam keadaan lemah, dibung-

kus dengan plastik dan mukanya dibalut dengan tisu. Dia kemudian dihantar ke Hospital Jitra untuk rawatan, manakala pelajar berkenaan pula dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar.

Difahamkan, pelajar Thailand itu yang kurang fasih berbahasa Melayu atau Inggeris, menyertai aktiviti sukan bersama rombongan dari nega-

ranya ke institusi pengajian terbabit sejak beberapa hari lalu ketika kampus ditutup kerana cuti semester.

Jurucakap polis mengesahkan menerima laporan mengenai kes itu.

Mangsa dihurungi semut

Di Port Dickson, seorang pengawal keselamatan menemui seorang bayi perempuan dihurungi semut di tepi jalan, kira-kira 50 meter dari pondoknya bertugas di pejabat FELCRA Air Hitam, Pasir Panjang, kira-kira jam 6.30 petang kelmarin.

Syamsol Bahri Husin, 59, berkata dia dimaklumkan oleh dua pemuda mengenai bayi itu sebelum bergegas memeriksa dan menemui bayi berkenaan yang hanya dibalut dengan kain batik, masih bertali pusat dan menangis sambil semut menghurunginya.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Bahardin Mustapha, berkata bayi seberat 2.8 kilogram itu dibawa ke Pusat Kesihatan Pasir Panjang sebelum dirujuk ke Hospital Port Dickson untuk rawatan dan dilaporkan sihat.